

# Sensitif kepada umat Islam, cemar industri halal negara: PUM

**Kuala Lumpur:** Persatuan Ulama Malaysia (PUM) gesa pihak berkuasa segera menyiasat secara menyeluruh isu menanganis isu penyeludupan daging itu yang didakwa dikuasai kartel, bagi menjaga sensitiviti umat Islam di negara ini.

Yang Dipertuanya, Datuk Al-Syeikh Abdul Halim Abdul Kadir, turut menzahirkan kebimbangan akan berlaku kempen boikot secara besar-besaran terhadap produk daging import ke negara ini, jika isu itu tidak ditangani secara menyeluruh.

Beliau berkata, polis serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu melakukan siasatan secepat mungkin bagi mengesan dalang di sebalik kes seludup daging yang diragui status halal dan kualitinya.

“PUM menggesa pihak kerajaan seperti polis dan SPRM untuk melakukan siasatan segera dan mendedahkan skandal besar yang sangat sensitif kepada umat Islam ini.

“Siapa lagi yang dapat kita harapkan untuk melakukan siasatan menyeluruh. Kita bimbang sampai adanya kempen boikot besar-besaran terhadap produk daging import dilancarkan di Malaysia, di mana kesannya nanti akan melumpuhkan aktiviti ekonomi sebahagian rakyat.

“Teruskan siasatan dan bawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Laporan muka depan *BH* semalam, mendedahkan kartel yang mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualitinya, dipercayai ‘membeli’ beberapa kakitangan kerajaan.

Modus operandi itu antara lain dipercayai tindakan mengupah pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Mengulas lanjut, Al-Syeikh Abdul Halim, berkata tindakan kartel dan penguat kuasa itu secara tidak langsung mencemarkan nama baik industri halal di negara ini.

“Secara realiti, semua peniaga tidak kira penganut Islam atau bukan Islam turut berusaha mendapatkan status pensijilan halal di mana ianya boleh meningkatkan kadar permintaan terhadap produk yang mendapat pensijilan itu.

“Negara ini boleh dikatakan setiap tahun mengadakan ekspo halal bagi menarik minat peniaga untuk melakukan perniagaan berasaskan halal.

“Kesedaran terhadap produk halal sudah tersebar ke seluruh dunia,” katanya.